

MAHATHIR - LAWATAN (ANALISIS BERITA)
OLEH MOKHTAR HUSSAIN

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENAMATKAN LAWATANNYA KE BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO SEMALAM DENGAN MENCATAT HASIL SEPERTI YANG DIHAJATINYA -- MENYEDARKAN RAKYAT TENTANG PERI MUSTAHAKNYA MEREKA MENGUKUHKAN PERPADUAN UNTUK TERUS MENIKMATI KEMAKMURAN DAN KEMANAN DI BAWAH NAUNGAN BARISAN NASIONAL (BN) SEBAGAI PARTI MEMERINTAH.

SELAKU PERDANA MENTERI, PRESIDEN UMNO DAN PENERUS BARISAN NASIONAL, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGUNAKAN PERTEMUANNYA DENGAN RAKYAT ITU UNTUK MENJELASKAN BEBERAPA ISU YANG MEMBABITKAN RAKYAT SECARA LANGSUNG.

BERMULA DARI KAMPUNG KERINCI DI SINI PADA 17 JUN HINGGA KE KULIM SEMALAM, DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN TERUS TERANGNYA MEMINTA RAKYAT MENENTUKAN MASA DEPAN MEREKA DENGAN MENYOKONG KEPIMPINAN YANG BENAR-BENAR IKHLAS MAHU MELIHAT MEREKA MAJU DAN HIDUP DENGAN AMAN.

+SAYA FAHAM MAKSUD PERDANA MENTERI DAN SAYA HARAP SEMUA RAKYAT MALAYSIA JUGA AKAN FAHAM MAKSUDNYA,+ KATA SEORANG PENDUDUK PASIR MAS DI KELANTAN APABILA DIMINTA PANDANGANNYA MENGENAI UCAPAN DATUK SERI DR MAHATHIR TENTANG PERPADUAN DAN PEMBANGUNAN.

APA YANG MENARIK PERHATIAN PENDUDUK INI IALAH CARA DATUK SERI DR MAHATHIR BERUCAP -- BERSHAJAJA TETAPI TANPA BERSELINDUNG DAN MUDAH DIFAHAMI.

-- LAGI
1410MST 15 07 90

D948

U B275 AAB MEX
MAHATHIR-LAWATAN 2 KUALA LUMPUR

HAKIKAT INI DIAKUI JUGA OLEH MEREKA YANG MENGIKUTI UCAPAN BELIAU BUKAN SAHAJA DI SEPANJANG LAWATANNYA ITU TETAPI JUGA DI TEMPAT-TEMPAT LAIN.

MUNGKIN RAMAI YANG BERANGGAPAN BAHAWA LAWATAN BELIAU KALI INI ADA KAITANDENGAN PILIHAN RAYA UMUM YANG HAMPİR TIBA.

PERDANA MENTERI SENDIRI MENYEDARI TENTANG KEGHAIRAHAN YANG WUJUD DI KALANGAN RAKYAT, TERUTAMANYA PIHAK PEMBANGKANG, UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

OLEH ITU SECARA BERSELOROH, BELIAU BERKATA: +PILIHAN RAYA SEMEMANGNYA SEMAKIN HAMPİR. SETIAP HARI BERLALU, MAKA SEHARI LEBIH DEKATLAH IA, SETIAP JAM BERLALU, SEJAM LEBIH HAMPİRLAH IA DAN SETIAP SAAT BERLALU, MAKA SESAAT LAGI IA LEBIH DEKAT.+

SESIAPA YANG MENGIKUTI SETIAP UCAPAN DATUK SERI DR MAHATHIR SEPANJANG LAWATANNYA KALI INI PASTI MENYEDARI BETAPA BELIAU MAHU MENYAMPAIKAN MESEJNYA SECARA TERUS KEPADA SEMUA LAPISAN RAKYAT MALAYSIA BAHAWA MEREKA TIDAK ADA ALTERNATIF LAIN, SELAIN MEMILIH BN JIKA MAHU HIDUP DALAM KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN.

SESETENGAH PEMERHATI POLITIK MERUMUSKAN BAHAWA LAWATAN SELAMA SEBULAN ITU AMAT BERKESAN. MALAH ADA YANG BERPENDAPAT, SEKIRANYA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGADAKAN SATU LAGI LAWATAN SEUMPAMA ITU, BN TIDAK LANGSUNG AKAN MENGHADAPI MASALAH UNTUK TERUS MENDAPAT KEPERCAYAAN RAKYAT. -- LAGI

MAHATHIR - LAWATAN 3 KUALA LUMPUR

INTIPATI MESEJ BELIAU JELAS -- KERAJAAN BN PERLU MEMPERBAIKI MAJORITI DUA PERTIGA UNTUK MENERUSKAN USAHA MEMBAWA KEMAKMURAN YANG SEDANG DIKECAPI AGAR RAKYAT NEGARA INI DAPAT +BERDIRI SAMA TINGGI, DUDUK SAMA RENDAH+ DENGAN MEREKA DI NEGARA-NEGARA MAJU.

KATANYA, KEMAJUAN MALAYSIA KINI SEMAKIN KETARA SEHINGGA MENJADI NEGARA YANG KEDUDUKANNYA HANYA DI BELAKANG NEGARA-NEGARA INDUSTRI BARU (NIC) DI TIMUR IAITU KOREA SELATAN, HONG KONG, TAIWAN DAN SINGAPURA.

BELIAU BERKATA TIDAK ADA SEBAB MENGAPA RAKYAT HARUS MELEPASKAN PELUANG HIDUP DALAM KEMAJUAN APABILA SEGALA PROGRAM KERAJAAN KINI BERJALAN LANCAR.

PENJELASAN BELIAU YANG TERPERINCI TENTANG RAHSIA DI SEBALIK ISU SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) YANG MEMBABITKAN PEMIMPIN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) MEMBUATKAN SENJATA YANG DIGUNAKAN OLEH PEMBANGKANG MENIKAM DIRI SENDIRI.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN DI AMERIKA SYARIKAT YANG MENDESAK SUPAYA TARAF GSP DITARIK BALIK DARIPADA MALAYSIA SEBENARNYA BERTUJUAN MAHU MEMBELA NASIB PEKERJA DI NEGARA ITU YANG BIMBANG KEHILANGAN PEKERJAAN. DENGAN ITU BELIAU MENYIFATKAN PERBUATAN PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DI NEGARA INI YANG BERSUBAHAT DENGAN USAHA ORANG LUAR ITU SEBAGAI +MEMASUKKAN PASIR KE DALAM PERIUK NASI+ PEKERJA DI MALAYSIA. -- LAGI
1415MST 15 07 90

D950

U B277 AAB MEX
MAHATHIR - LAWATAN 4 KUALA LUMPUR

BEGITU BERKESANNYA PENJELASAN ITU SEHINGGA PEMBANGKANG KELIHATAN SEOLAH-OLAH TERSEKIT SEHINGGA MENUKAR PENDIRIAN DENGAN MENYUARAKAN SOKONGANNYA KEPADA KERAJAAN DALAM USAHA MEMPERTAHANKAN KEMUDAHAN PERDAGANGAN ITU:

MENURUT PERDANA MENTERI, GOLONGAN ITU KINI SERBA SALAH KERANA USAHA MEREKA MENGHASUT PEKERJA SUPAYA MEMBENCI KERAJAAN MENEMUI KEGAGALAN, SEBALIKNYA MENDEDAHKAN BELANG MEREKA SENDIRI.

JIKA DIPERHATIKAN, PERDANA MENTERI LEBIH MENUMPUKAN LAWATANNYA KE KAWASAN PEDALAMAN IAITU UNTUK MENYAMPAIKAN MESEJNYA SECARA TERUS KEPADA GOLONGAN AKAR UMBI. KAWASAN-KAWASAN TERSEBUT PULA SECARA KEBETULAN DIANGGAP RAMAI SEBAGAI KUBU PARTI LAWAN TERUTAMA SEMANGAT 46, MISALNYA PASIR MAS (KETUA PEMUDA HAJI IBRAHIM ALI), JELEBU (TIMBALAN PRESIDEN DATUK RAIS YATIM) SERTA BEBERAPA TUMPUAN PARTI ITU DI TERENGGANU DAN PAHANG.

TERNYATA PERDANA MENTERI SEBOLEH-BOLEHNYA TIDAK MAHU MEMBERI KESEMPATAN LANGSUNG KEPADA PEMBANGKANG TERUTAMA SEMANGAT 46 UNTUK BERTAPAK DI HATI RAKYAT. ATAU LEBIH TEPAT, BELIAU MAHUKAN RAKYAT MEMASTIKAN AGAR PARTI ITU TERUS +BERKUBUR+ SELEPAS PILIHAN RAYA NANTI.

BAGI MENANGKIS PENGARUH PARTI SEPERIHAN UMNO ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN TENTANG BETAPA GOLONGAN DALAM PARTI ITU SEBENARNYA MEMENTINGKAN PANGKAT SEMASA BERADA DALAM UMNO. -- LAGI

MAHATHIR - LAWATAN 5 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, SEKIRANYA GOLONGAN ITU MENGUTAMAKAN PARTI, MEREKA SEHARUSNYA KEKAL DALAM UMNO SELEPAS TEWAS PADA PEMILIHAN PARTI PADA 1987 DAN BUKANNYA MENINGGALKAN PARTI DAN KEMUDIANNYA MEMBAWA KES KE MAHKAMAH.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN PARA ANGGOTA UMNO SUPAYA BERWASPADA TERHADAP USAHA GOLONGAN ITU UNTUK MENGEKSPLOIT GOLONGAN YANG KECEWA DALAM CITA-CITA POLITIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPIN SEMANGAT 46 MASIH MENDAPAT SIMPATI DARIPADA PENGUNDI DI KAWASAN MASING-MASING. TETAPI BELIAU MENJELASKAN BAHAWA +MEMILIH WAKIL RAKYAT SEMATA-MATA KERANA SAYANGKANNYA SAHAJA TIDAK MEMADAI KERANA MEREKA TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMBAWA PEMBANGUNAN KEPADA RAKYAT.+

KEPADA PAS PULA, KERJASAMA PARTI ITU DENGAN DAP MENJADI MODAL UTAMA. PERDANA MENTERI MEMPERSOALKAN BAGAIMANAKAH SEBUAH PARTI YANG MENDAKWA MEMPERJUANGKAN ISLAM SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN SEBUAH PARTI YANG TERANG-TERANG MENENTANG ISLAM SEDANGKAN UMNO SENTIASA MENGUTAMAKAN SYIAR ISLAM.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA KERAJAAN CAMPURAN YANG DIRANCANGKAN OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMERINTAH NEGARA DENGAN BERKESAN. -- LAGI
1419MST 15 07 90

D952

U B279 AAB MEX
MAHATHIR - LAWATAN 6 KUALA LUMPUR

KATANYA TIDAK MUNGKIN PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, DAPAT MENJAGA HATI RAKAN-RAKAN PEMBANGKANGNYA TERUTAMA PAS DAN DAP YANG SALING BERTENTANGAN PRINSIP PERJUANGAN MEREKA.

DALAM PADA ITU, PERDANA MENTERI MENGINGATKAN PARA ANGGOTA UMNO SUPAYA MEMBUAT PERSEDIAAN YANG TERSUSUN UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA, KERANA MENURUTNYA, BILANGAN ANGGOTA YANG RAMAI DAN SEMANGAT SAHAJA TIDAK MENCUKUPI TANPA STRATEGI YANG BERKESAN.

DENGAN BERAKHIRNYA LAWATAN ITU, KALANGAN PEMERHATI BERPENDAPAT DATUK SERI DR MAHATHIR SEBAGAI PEMIMPIN UMNO SUDAH PUN MELAKSANAKAN TUGAS PERTAMANYA UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA. ATAU DALAM LAIN PERKATAAN, UMNO SEBAGAI PARTI TUNJANG BN, SUDAH BERSEDIA.

KINI TERPULANGLAH KEPADA PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG LAIN UNTUK MEMASTIKAN KEJAYAAN BN KELAK, TERUTAMA MCA YANG KINI BERGOLAK EKORAN KRISIS KEPIMPINANNYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI SELAKU PENGURUSI BN TELAH PUN MERANCANG SATU LAGI KUNJUNGAN KE SELURUH SEMENANJUNG, KALI INI BERSAMA PEMIMPIN-PEMIMPIN BN.

MESEJNYA KALI INI MUNGKIN LEBIH MENYELURUH IAITU MAHUKAN SELURUH RAKYAT TANPA MENGIRA KAUM UNTUK BERSAMA-SAMA KERAJAAN MEMBAWA NEGARA MENUJU KE ARAH KECEMERLANGAN. -- BERNAMA